

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan tindakan-tindakan yang diambil terhadap Wee Choo Keong, Pengerusi Tourism Malaysia yang bertindak liar di Beijing, China yang turut mengundang reaksi negatif daripada Air Asia dan orang awam serta pelancong-pelancong asing.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan dengan peristiwa yang berlaku di Beijing, satu mesyuarat telah diadakan oleh ahli-ahli lembaga pengarah. Setelah mengambil kira keputusan mereka, saya telah bertemu dengan Encik Wee Choo Keong dan beliau dengan rela hati telah menyatakan kesanggupan untuk melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Tourism Malaysia berkuatkuasa pada 21 September 2016 demi menjaga nama baik Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Oleh yang demikian, saya telah melantik seorang tokoh korporat iaitu YBhg. Dato' Dr. Siew Ka Wei sebagai Pengerusi Tourism Malaysia yang baharu berkuatkuasa 21 September 2016 dan beliau akan menerajui usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih.

Sekian, terima kasih.